



SESAK...orang ramai berkunjung ke pasar malam Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Masjid India.

Pasar malam popular di pusat bandar raya

KUALA LUMPUR: Pasar malam pada setiap Sabtu di kawasan Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini, antara daya penarik orang ramai untuk berkunjung ke kawasan itu.

Terletak di sepanjang Lorong Tuanku Abdul Rahman, ia mula beroperasi pada pertengahan 1980 dan terdapat lebih 400 peniaga yang menjual pelbagai makanan, pakaian dan barang keperluan.

Lebih menarik ialah kepelbagaian juadah makanan dan minuman yang dijual di sini iaitu daripada makanan tradisional sehingga makanan moden atau barat, semuanya boleh didapati dengan harga murah.

Diadakan pada hujung minggu antara strategi utama bagi menarik orang ramai untuk membeli pelbagai barangan di pasar malam ini selepas membeli-belah di kawasan Jalan Masjid India dan Kompleks Beli-Belah Sogo.

Pasar malam di kawasan itu bukan saja popular di kalangan warga kota, malah pengunjung dari luar.

Pengunjung, Razif Zainal, 27, berkata, dia sudah banyak kali mengunjungi pasar malam itu untuk membeli makanan, serta barangan dan kunjungannya kali ini untuk membawa isterinya dari Sabah.

Menurutnya, dia yang ber-

asal dari Sabah dan bekerja di Kuala Lumpur mengikut kehendak isterinya yang menyarankan agar menyewa hotel di sekitar Jalan Masjid India bagi memudahkannya mereka untuk membeli-belah.

"Isteri yang mengajak saya datang ke pasar malam ini dan dia tidak pernah terlepas untuk mengunjungi pasar malam ini. Walaupun ia sama seperti pasar malam lain, namun lebih menarik disebabkan ia terletak di pusat bandar.

"Terlalu banyak gerai yang dibuka di sepanjang pasar malam ini membuatkan kami tidak sempat berjalan ke semua gerai. Tetapi, lebih penting keinginan isteri saya untuk berkunjung ke sini sudah saya tunaikan," katanya.

Bagi Darus Jamal, 38, yang tinggal di Segambut, dekat sini, dia mengunjungi pasar malam itu setiap minggu kerana terdapat pelbagai pilihan makanan yang bersesuaian dengan cita rasa keluarganya.

Katanya, makanan seperti nasi ayam, ayam goreng, soto, otak-otak dan apam balik antara menu yang menjadi pilihan setiap kali berkunjung ke pasar malam itu.